



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 30 DISEMBER 2022**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MEMO BANTAHAN MALAYSIA SERTAI CPTPP, NEGARA, KOSMO -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	RANCANG JADIKAN PULAU PINANG PENGELUAR UTAMA KERANG, LOKAL, HM -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	NAFAS 'TENAT' HARGA BAJA PADI NAIK 300 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -1 & 3	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
4.	INDEKS HARGA PENGELUAR TERUS MENYERDERHANA TAHUN INI, NIAGA, KOSMO -38	LAIN-LAIN
5.	ENGGAN AMBIL RISIKO JUAL TELUR IMPORT, NASIONAL, BH -14	
6.	PEMBORONG DI TERENGGANU TIDAK JUAL TELUR IMPORT, DALAM NEGERI, UM -6	
7.	TELUR IMPORT BELUM MASUK PASARAN GUA MUSANG, DALAM NEGERI, UM -6	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/12/2022	KOSMO	NEGARA	5



**MOHAMAD (tengah)** menerima memorandum berkenaan CPTPP di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Putrajaya semalam.

54 organisasi mahu ratifikasi dimeterai PN ditarik balik

# Memo bantahan Malaysia sertai CPTPP

**PUTRAJAYA** – Selepas gagal 'memujuk' Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini, kali ini Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dijadikan harapan untuk tidak menyertai Perjanjian Komprehensif dan Progresif Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

Memorandum bantahan itu diserahkan oleh 54 organisasi kepada Menteri Pertanian dan Ke-

terjaminan Makanan, Mohamad Sabu yang mahu Malaysia menarik balik ratifikasi triti dimeterai kerajaan Perikatan Nasional (PN) sebelum ini.

Memorandum kumpulan itu diterima sendiri oleh Mohamad di lobi kementerian dan beliau memberi reaksi secara ringkas untuk melihat terlebih dahulu segala isu yang dibangkitkan.

Ketua Koordinator Forum

Kedaulatan Makanan Malaysia, Nurfitri Amir Muhamad berkata, penyerahan memorandum kali ini juga bagi mendapatkan penjelasan menyeluruh kerajaan berhubung hal tersebut.

"Adakah pihak kementerian berkenaan telah melaksanakan penilaian dan kajian terperinci kesan terhadap para petani, peternak, nelayan dan usahawan sektor pertanian," katanya.

30/12/2022

HARIAN  
METRO

LOKAL

24

## Rancang jadikan Pulau Pinang pengeluar utama kerang

**Kepala Batas:** Jabatan Perikanan merancang untuk menjadikan semula Pulau Pinang sebagai negeri utama pengeluar kerang seperti 10 tahun lalu bagi menampung permintaan yang semakin tinggi, sekali gus meningkatkan pendapatan penternak negeri itu.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan Wan Muhammad Aznan Abdullah, berkata penternak kerang di Pulau Pi-

pinang mampu mendaratkan sehingga 112,600 metrik tan hasil kerang kira-kira 10 tahun lalu, namun merosot kepada 464 metrik tan ketika ini.

Menurutnya, ia menunjukkan kemerosotan sehingga 300 peratus yang didorong atas pelbagai faktor antaranya perubahan iklim dan pencemaran laut yang berlaku di kawasan ternakan kerang.

"Dahulu, Pulau Pinang an-

tara salah satu pengeluar kerang selain Perak dan Selangor memandangkan kawasan perairannya yang semula jadi tetapi atas faktor keadaan semasa yang didorong dengan perubahan cuaca dan pencemaran menyebabkan kemerosotan hasil berlaku.

"Bagaimanapun, kita akan berusaha supaya kawasan ternakan kerang tidak terroka secara berlebihan dan membantu penternak ke-

rang di negeri ini supaya hasil kerang dapat ditingkatkan semula seperti 10 tahun lalu.

"Kita mahu Pulau Pinang menjadi negeri pengeluar kerang kerana permintaan terhadap ternakan itu tinggi terutamanya di luar negara seperti Thailand yang menganggap kerang sebagai makanan mewah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas

seluas 546 hektar.

Mengulas lanjut, Muhammad Aznan berkata, pihaknya turut akan membantu penternak kerang melalui

kaji selidik yang dijalankan pakar bagi mencari peneemuan atau kaedah yang boleh meningkatkan hasil ternakan berkenaan.

"Pada ketika ini permintaan domestik juga tidak boleh tampung (tidak cukup) kerana hasilnya yang terlalu kurang," katanya.

menghadiri Sesi Libat Urus Jabatan Perikanan bersama Penternak Kerang Seberang Perai Utara, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr Norlela Ariffin.

Sehingga kini, terdapat seramai 104 penternak kerang di daerah itu membabitkan keluasan ternakan

# NAFAS 'tenat', harga baja padi naik 300 peratus

Oleh **ZAREEN HUMAIRAH  
SEJAHAN**

[zareen.hs@mediamulia.com.my](mailto:zareen.hs@mediamulia.com.my)

**KUALA LUMPUR:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) semakin tenat apabila organisasi tersebut perlu menampung kenaikan harga baja padi yang meningkat sehingga 300 peratus sekali gus membantutkan usaha ternakan ayam.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP), Datuk Zamri Yaakob berkata pihaknya amat memerlukan sokongan kewangan daripada kerajaan susulan peningkatan kos itu.

**Bersambung di muka 3**

# NAFAS 'tenat', harga baja padi naik 300 peratus

## Dari muka 1

"Kita terpaksa menghen-tikan buat sementara waktu usaha kita berkaitan ternakan ayam itu kerana kita sedang menampung beban kewangan yang sangat tinggi untuk me-nyediakan baja padi kepada golongan petani.

"Kenaikan harga baja padi adalah sehingga 300 peratus itu bermaksud contoh pada 2021, harga baja itu adalah RM1,000 satu tan, pada 2022, harganya meningkat hingga RM4,000 satu tan.

"Kita sudah menggunakan simpanan bank NAFAS untuk memastikan dapat menyedia-kan baja kepada petani dan kini



**Kita sudah menggunakan simpanan bank NAFAS untuk memastikan kita dapat menyediakan baja kepada petani dan kini berharap pada kerajaan untuk membantu kita."**

berharap pada kerajaan untuk membantu kita," katanya ke-tika dihubungi semalam.

Pada Jun 2021, bekas Per-dana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, NAFAS dan Angkatan Koperasi Ke-bangsaan Malaysia Bhd. (Ang-

kasa) akan lebih proaktif dalam ekosistem ternakan ayam dan penanaman jagung bijirin bagi menstabilkan bekalan dan har-ga ayam di pasaran.

Katanya, NAFAS menyasar-kan untuk menguasai 20 pera-tus pasaran dengan penge-

luaran sebanyak 144 juta ekor setahun, manakala Angkasa sebanyak 30 juta ekor setahun.

Tambah Zamri, NAFAS telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM1.268 bilion sejak memperoleh tender pada ta-hun 2021.

"Kontrak kita masih berbaki sehingga 2023 dan kita mencari rakan usaha sama bagi mengu-ruskan isu kenaikan harga baja serta penternakan ayam.

"Saya akan berjumpa de-ngan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Moha-mad Sabu tidak lama lagi dan saya harap ia akan membuah-kan hasil untuk kita teruskan usaha-usaha yang kita rancang untuk laksana," ujarnya.

# Indeks harga pengeluaran terus menyederhana tahun ini



**FAKTOR** cuaca didapati telah memberi kesan kepada harga sayur di peringkat pengeluaran dan memberi impak kepada pengguna.

**PETALING JAYA** – Kenaikan Indeks Harga Pengeluaran (IHPR) Malaysia, yang mengukur harga barangan di pintu kilang terus menyederhana untuk mencatatkan 3.2 peratus pada November 2022 berbanding empat peratus pada Oktober, menurut Jabatan Perangkaan.

Katanya, kenaikan IHPR bulan lalu adalah disebabkan oleh kesan asas yang lebih rendah, walaupun harga komoditi utama mula menunjukkan trend meningkat.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, pada November 2022, semua sek-

tor mencatatkan kenaikan kecil di sektor pertanian, perhutanan & perikanan yang mencatatkan kejatuhan negatif 18.5 peratus (Oktober 2022: -18.2 peratus).

"Ini disebabkan oleh penurunan dalam indeks penanaman tanaman kekal (-28.9%), yang merekodkan penurunan dua digit bagi lima bulan berturut-turut.

"Sementara itu, indeks pembuatan naik 6.2 peratus, indeks persembungan mencatatkan peningkatan 2.4 peratus manakala indeks utiliti serta indeks bekalan air, bekalan elektrik & gas masing-masing merekodkan

kenaikan 4.2 peratus dan 1.4 peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Uzir menambah, musim hujan telah memberi kesan kepada harga sayur-sayuran dan hasil laut, menyebabkan kuantiti dan kualiti hasil tuai serta hasil laut di peringkat ladang dan pen-daratan berkurangan.

"Selain itu, faktor cuaca ini juga telah menjejaskan proses tumbesaran komoditi pertanian dan kenaikan harga sayur-sayuran serta hasil laut di peringkat pengeluaran ini memberi kesan kepada harga di peringkat peng-guna," jelasnya.

# Enggan ambil risiko jual telur import

**Kuala Terengganu:** Kebanyakan pemborong di negeri ini enggan mengambil risiko menjual telur ayam yang diimport dari India kerana faktor kebersihan dan kualiti yang diragui.

Tinjauan yang dibuat di sekitar bandar raya ini mendapati rata-rata pemborong mendakwa tahap kebersihan serta kualiti telur ayam yang diimport itu meragukan.

Malah, dalam tinjauan sama mendapati bekalan telur ayam tempatan turut mengalami terpurus bekalan sejak tiga hari lalu.

Pemborong di Kampung Gong Kiat, di sini, Gregory Phang, 42, berkata pihaknya setakat ini tidak akan menjual telur ayam yang diimport dari India itu.

Malah, katanya, bekalan telur ayam import dari India belum ada di pasaran negeri ini, sebaliknya hanya tertumpu di Lembah Klang.

"Buat masa sekarang, kami tidak menerima telur ayam dari India dan hanya tertumpu menjual telur ayam tempatan dan Omega setakat ini. Ifrupun, kami sekarang menghadapi masalah bekalan terputus sejak Selasa lalu dan tidak tahu stok baharu akan tiba," katanya di sini, semalam.

Selain itu pekerja pembo-



Bekalan telur kehabisan di pemborong Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Falzui Azlan Razak/BH)

rong di bandar raya ini, Zalikha Zulkifli, 29, berkata pihaknya bukan saja meragui telur ayam diimport dari India itu, malah bimbang pengguna tidak mau membelinya.

"Kita belum lagi menjual telur ayam berkenaan, malah sudah ramai pengguna memersoal mengenai kualiti dan kebersihannya. Jadi, kita tidak

mahu mengambil risiko walaupun kerajaan memberi jaminan bekalan telur import memenuhi piawaian ditetapkan," katanya.

Ditanya bekalan telur tempatan, Zalikha berkata, Selasa lalu adalah hari terakhir mereka menjualnya sebanyak 5,000 papan yang diperolehi dari pembekal di Melaka.

"Bekalan telur yang sampai

pada Selasa lalu, dijual dalam masa kurang empat jam saja dan setiap pengguna kita mengehendak pembelian lima papan seorang.

"Kita masih menunggu bekalan baharu yang dijangkakan tiba esok (hari ini) atau Sabtu ini (esok) dan tidak pasti berapa banyak akan dihantar pembekal," katanya.

## Telur import belum masuk pasaran Gua Musang

**GUA MUSANG:** Bekalan telur import dari India belum dijual di pasar raya atau kedai runcit di bandar ini.

Tinjauan Utusan Malaysia mendapati, hanya telur ayam tempatan, omega dan organik dijual di pasaran ketika ini.

Seorang pelanggan, Mohd. Jamal Mohamed, 45, berkata, setakat ini dia belum melihat bekalan telur import dijual di pasar raya mahupun kedai-kedai runcit biasa.

"Bagaimanapun, kami tetap memilih telur tempatan kerana kualitinya lebih terjamin," katanya ketika ditemui.

Seorang suri rumah, Nor Zaliha Ramli, 37, pula berkata, dia lebih gemar menggunakan telur tempatan dalam masakannya.

Katanya, dia tidak biasa dengan telur import dari India yang dikatakan berwarna putih.

# Pemborong di Terengganu tidak jual telur import



**PENGGUNA** mendapatkan telur ayam yang dijual di Pasaraya Mydin Subang Jaya, Selangor, semalam. -UTUSAN/AMIR KHALID

Oleh **TENGGU DANISH DAHRI** **TENGGU YUSOFF**  
utusannews@mediamulla.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Majoriti pemborong di negeri ini enggan mengambil risiko menjual telur ayam import dari India bagi menangani masalah kekurangan bekalan di pasaran.

Tinjauan di beberapa kedai borong dan runcit di bandar raya ini semalam mendapati, tiada telur ayam import yang dijual atas alasan tahap kebersihan dan kualiti bahan makanan itu yang meragukan.

Seorang pemborong, Zulaiha Zulkifli, 29, berkata, dia bimbang menanggung kerugian sekiranya telur ayam import tidak mendapat sambutan daripada pengguna.

Ini kerana, katanya, harga telur ayam import lebih mahal berbanding telur tempatan dan peniaga tidak mendapat keuntungan besar.

"Lagipun kami tidak pasti tahap kebersihan dan kualitinya walaupun kerajaan memberi jaminan telur import berkenaan mematuhi piawaian serta pemeriksaan yang rapi.

"Setakat ini saya hanya menjual telur ayam tempatan, itu pun masih meruncing selepas kali terakhir menerima bekalan dari Melaka tiga hari lalu hampir 5,000 papan.

"Telur semua gred itu 'licin' dalam masa empat jam dengan setiap pembeli dihidkan lima papan seorang dan saya belum pasti bila bekalan seterusnya tiba," katanya.

Sementara itu seorang pengguna, Wan Nurul Syuhada Wan Mohamad, 31, berkata, telur ayam tempatan menjadi pilihannya berbanding telur import atas faktor kebersihan.

Menurutnya, dia lebih sanggup beratur panjang di kedai runcit bagi mendapatkan telur tempatan yang diyakini lebih berkualiti meskipun kadangkala terpaksa membeli pada harga lebih mahal.

"Telur ayam sangat mudah tercemar dengan bakteria *salmonella* dan saya kurang yakin kebersihan telur import dari India walaupun kerajaan menjamin kualitinya.

"Bekalan telur tempatan kita sudah tahu pengeluaran dari dalam negara dan saya lebih memilih telur tempatan atau telur jenis omega walaupun agak mahal untuk kegunaan," katanya.